KENYATAAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

LARANGAN PENJUALAN AIR ZAM-ZAM TIDAK BERLESEN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil serius beberapa aduan yang diterima daripada orang ramai melalui beberapa sumber termasuk media sosial berhubung penjualan air yang didakwa sebagai air zam zam yang berleluasa kebelakangan ini. Isu mengenai larangan penjualan air zam zam yang disiarkan oleh Buletin TV3 pada tahun 2020 pernah tular di media sosial sebelum ini. Susulan itu juga, KKM pernah mengeluarkan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan bagi menjelaskan larangan penjualan air zam zam di pasaran dan isu air zam zam tiruan pada 6 Januari 2020, seterusnya kali terakhir Kenyataan Akhbar berkenaan adalah pada 1 Julai 2022.

Berdasarkan maklumat daripada beberapa aduan yang diterima, KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) telah menjalankan siasatan dan risikan terperinci yang telah membawa kepada penemuan premis yang menjalankan aktiviti penjualan serta pengedaran air yang didakwa air zam zam. Satu operasi serbuan khas telah dijalankan dengan kerjasama pihak Jabatan Kesihatan Negeri Selangor pada 23 Ogos 2023 dan sebanyak 10 botol (5 liter) air zam zam bernilai RM1,600

telah dirampas. Satu notis kesalahan di bawah Peraturan 360A (2) telah dikeluarkan. Lokasi premis berkenaan adalah di sebuah pejabat pengurusan di Petaling Jaya, Selangor.

Operasi khas turut dijalankan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2023 oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Pejabat Kesihatan Cheras. Dalam operasi yang dijalankan, seorang individu didapati telah menjual produk air zam zam secara tidak sah di premis perniagaan persendirian. Sebanyak 83 botol (41.5 liter) bernilai RM2,075.00 telah disita. Di samping itu, satu (1) Notis Kompaun telah dikeluarkan kepada individu yang terlibat dengan nilai RM3,000.00 disebabkan kesalahan di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Air zam zam dikategorikan sebagai air mineral semulajadi dan termaktub di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Pengimportan air mineral semulajadi memerlukan lesen punca air KKM setelah mendapat dokumen **pengesahan pihak berkuasa geologi dan hidrologi dari negara pengeksport**. Dalam kes ini, didapati Kerajaan Arab Saudi **tidak mengeluarkan pengesahan tersebut kerana air zam zam tidak boleh dieksport dan diperdagangkan.**

Hasil daripada aktiviti penguatkuasaan yang telah dijalankan sejak tahun 2012 hingga kini, nilai rampasan ke atas air zam zam di pasaran adalah berjumlah RM83,618.20. KKM turut menjalankan saringan berterusan ke atas platform dalam talian (online) termasuk e-dagang. Sejumlah 32 iklan berkaitan penjualan air zam zam telah dipadamkan daripada pelbagai

platform e-dagang. Manakala hasil pemantauan di media sosial pula sejak tahun 2021 hingga kini, sebanyak 63 iklan air zam zam telah dipadam daripada media sosial.

Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, mana-mana orang yang disabitkan kesalahan menjual air minuman berbungkus dan air mineral semulajadi yang tidak berlesen boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi dua (2) tahun.

KKM ingin menasihati orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan membeli air yang dilabel sebagai air zam zam di pasaran tempatan kerana dikhuatiri tiruan. KKM juga memberi amaran dan melarang penjualan air zam zam di semua platform sama ada secara fizikal mahupun secara atas talian. Mana-mana peniaga atau pengedar yang masih mempunyai stok air zam zam tersebut diarahkan untuk menghentikan serta-merta penjualan dan seterusnya menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah terdekat untuk tujuan penyitaan.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh memperdayakan pengguna. Sekiranya orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai perkara ini, boleh menghubungi mana-mana Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri terdekat atau salurkan aduan melalui laman sesawang http://moh.spab.gov.my atau *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) www.facebook.com/bkkmhq.

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN

28 OGOS 2023